

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai pada jam 1200, hari Khamis, 8 Februari 2024



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BAGI INDEKS VOLUM PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT, MALAYSIA, SUKU TAHUN KEEMPAT 2023

Indeks Volum Perdagangan Borong & Runcit meningkat 4.2 peratus pada suku tahun keempat 2023

PUTRAJAYA, 8 FEBRUARI 2024 – Indeks volum Perdagangan Borong & Runcit Malaysia merekodkan pertumbuhan 4.2 peratus tahun ke tahun pada suku tahun keempat 2023 untuk mencapai 153.1 mata, menjadikan prestasi keseluruhan tahun 2023 kepada 5.6 peratus berbanding 2022. Ini dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada hari ini dalam siaran **INDEKS VOLUM PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT (2015=100), SUKU TAHUN KEEMPAT 2023**. Laporan ini juga membentangkan statistik mengenai indeks volum Perdagangan Borong & Runcit mengikut subsektor.

Mengulas laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia dalam satu kenyataan hari ini berkata, “Peningkatan 4.2 peratus tahun ke tahun disumbangkan oleh subsektor Kenderaan Bermotor yang melonjak 9.8 peratus, diikuti oleh Perdagangan Borong dan Perdagangan Runcit yang meningkat masing-masing 4.6 peratus dan 2.9 peratus. Bagi perbandingan suku tahun ke suku tahun, indeks volum naik 0.8 peratus, disokong oleh Kenderaan Bermotor yang bertumbuh 3.7 peratus.”

Beralih kepada prestasi mengikut subsektor, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin memaklumkan, "Pertumbuhan positif 9.8 peratus bagi indeks volum subsektor Kenderaan Bermotor disokong oleh Jualan Kenderaan Bermotor dengan 13.1 peratus, diikuti oleh Jualan Komponen & Aksesori Kenderaan Bermotor dan Penyelenggaraan & Pembaikan Kenderaan Bermotor masing-masing dengan 12.1 peratus dan 10.3 peratus. Bagi perbandingan suku tahun ke suku tahun, indeks volum Kenderaan Bermotor meningkat 3.7 peratus."

Mengulas lanjut prestasi indeks volum Perdagangan Borong, beliau seterusnya memaklumkan peningkatan sebanyak 4.6 peratus bagi subsektor ini disumbangkan oleh Jualan Borong Bahan Mentah Pertanian & Haiwan Hidup dengan 8.4 peratus. Ini diikuti Lain-lain Pengkhususan Jualan Borong (7.7%), Jualan Borong Barangan Isi Rumah (3.3%), Perdagangan Borong Tanpa Pengkhususan (2.7%), Jualan Borong Jentera, Peralatan & Bekalan (2.4%), Jual Borong Berdasarkan Kontrak atau Yuran (1.5%) dan Jualan Borong Makanan, Minuman & Tembakau (1.5%). Sebaliknya, bagi perbandingan suku tahunan, indeks volum Perdagangan Borong jatuh -0.8 peratus.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut memaklumkan, "Indeks volum subsektor Perdagangan Runcit merekodkan pertumbuhan positif 2.9 peratus disumbangkan oleh Jualan Runcit Makanan, Minuman & Tembakau dengan 8.4 peratus. Ini diikuti oleh Jualan Runcit di Kedai Bukan Pengkhususan (5.0%), Jualan Runcit Bahan Api Kenderaan (4.4%), Jualan Runcit di Gerai & Pasar (4.2%) dan Jualan Runcit Peralatan Isi Rumah (3.6%). Bagi perbandingan suku tahun, indeks volum Perdagangan Runcit naik 1.5 peratus berbanding suku tahun lepas."

"Bagi indeks volum pelarasan musim, Perdagangan Borong & Runcit merosot -2.6 peratus berbanding suku tahun ketiga 2023, dipengaruhi oleh pertumbuhan negatif bagi semua subsektor iaitu Kenderaan Bermotor (-8.2%), Perdagangan Borong (-3.6%) dan Perdagangan Runcit (-1.4%)," jelas beliau.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Pangkalan Data Utama (PADU) telah dilancarkan pada 2 Januari 2024. PADU mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia. Matlamat utama PADU untuk memastikan rakyat Malaysia tidak tercicir daripada setiap inisiatif berpaksikan rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Dimohon kerjasama untuk mendaftar dan mengemaskini PADU sebelum atau pada 31 Mac 2024. Sila layari <https://www.padu.gov.my> bagi maklumat lanjut berkaitan PADU atau menghubungi talian hotline berikut:

- i) Jabatan Perangkaan Malaysia : 1-800-88-7720 /1-800-88-7721
- ii) Pertanyaan secara online melalui SISPAA: <https://padu.spab.gov.my>

Carta 1: Indeks Volum Perdagangan Borong & Runcit



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
8 FEBRUARI 2024